

# Persatuan pesara sokong kepemimpinan Pak Lah

BH-25/6/2006

**K**UALA LUMPUR: Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia menyatakan sokongan mereka terhadap kepemimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri dan berharap bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad tidak meneruskan kritiknya terhadap kerajaan secara terbuka.

Presidennya, Tan Sri Abdullah Ayub, berkata kritikan Dr Mahathir terhadap Abdullah tidak membawa manfaat, sebaliknya menyebabkan ketidakstabilan kerajaan.

“Kalau pun penjelasan diperlukan (oleh Dr Mahathir), ia patut dilakukan secara tertutup antara dua pihak berkenaan, tidak payah di depan orang ramai,” katanya selepas mempergunakan mesyuarat persatuan itu, di sini, semalam. Seramai 26 wakil peringkat negeri persatuan itu menghadiri mesyuarat itu.

Abdullah berkata demikian ketika diminta

mengulas tindakan Dr Mahathir yang masih bertegas meminta penjelasan daripada Perdana Menteri mengenai beberapa isu termasuk pembatalan pembinaan jambatan bagi menggantikan Tambak Johor.

“Saya sendiri sebagai bekas Ketua Setiausaha Perbendaharaan Negara mempunyai pengalaman dalam pentadbiran kewangan kerajaan. Kami berpendapat, tidak wajar kritikan Dr Mahathir dibuat secara terbuka.

“Jika ada pun perkara yang ingin dikritik, ia haruslah melalui cara yang betul. Kita tidak mahu kerajaan dikocak hingga menyebabkan tidak stabil,” katanya.

Beliau berkata, meskipun tidak mengetahui secara terperinci keputusan kerajaan membatalkan pembinaan jambatan berkenaan, persatuan yakin keputusan Kabinet dibuat berasaskan kepentingan rakyat.